

19 JUN 1999

Umno-Khalil (Majlis)

KERJA KERAS ATAU TIDAK DIPILIH, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata semua anggota Majlis Tertinggi parti perlu bekerja keras untuk mengekalkan jawatan mereka kerana Umno bukan sebuah parti untuk "penumpang".

Beliau berkata sistem yang digunakan oleh parti itu "memaksa" para pemimpinnya untuk bekerja keras.

"Jika seseorang menteri tidak bekerja atau tidak pergi menemui rakyat, mereka (rakyat) tidak akan memilih kami.

"Jika tidak dipilih ke Majlis (Tertinggi), biasanya tidak akan dilantik sebagai menteri...oleh itu, kami perlu bekerja siang dan malam," katanya.

Beliau menjelaskan mengenai prosedur dan amalan Umno serta sistem politik Malaysia secara umumnya kepada sekumpulan pemerhati asing yang menghadiri Perhimpunan Agung Umno ke-53 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Seramai 38 orang yang mewakili 17 parti politik dari 15 negara menghadiri perhimpunan agung itu, yang berakhir esok.

"Dalam erti kata lain, jika mahu mengekalkan kerusi dalam Majlis Tertinggi, kami perlu betul-betul bekerja keras.

"Kami hanya perlu bekerja...kerana kami akan dinilai (oleh rakyat), dan di Parlimen, kami akan disoal," katanya.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan, berkata sistem itu didapati sesuai untuk negara ini.

Menurutnya sistem itu juga menjamin bahawa rakyat tidak dinafikan hak-hak mereka.

Mengenai kepesatan pembangunan negara, Khalil berkata ia adalah hasil kepimpinan cemerlang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno, dan sistem politik yang baik.

-- BERNAMA

KHY NAK